

YUCOMY CREAM

Ketoconazole (20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan YUCOMY CREAM
2. Bagaimana YUCOMY CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan YUCOMY CREAM
4. Cara menggunakan YUCOMY CREAM
5. Semasa menggunakan YUCOMY CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan YUCOMY CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan YUCOMY CREAM

Merawat jangkitan fungus kulit seperti gatal pada tapak kaki dan celahan jari kaki (athlete's foot), gatal pada bahagian sulit seperti celah peha & tersembunyi (jock itch) dan bintik putih di kulit.

Bagaimana YUCOMY CREAM berfungsi

Ketoconazole merupakan ejen antikulat spektrum luas yang memusnahkan kulat yang menyebabkan jangkitan fungus kulit.

Sebelum Mengambil YUCOMY CREAM

-Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alahan kepada komponen dalam YUCOMY CREAM. Ia tidak boleh digunakan untuk merawat jangkitan mata.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda hamil, menyusu atau menggunakan ubat-ubatan yang lain.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Elakkan daripada menggunakan ubat-ubatan yang lain pada bahagian dimana anda menyapu YUCOMY CREAM kecuali jika doctor atau ahli farmasi membenarkan.

Cara menggunakan YUCOMY CREAM

-Berapa banyak harus diguna

Sapukan pada bahagian berkenaan dalam kuantiti yang kecil dan gosokkan secara ringan, guna satu kali sehari.

-Bila perlu diguna

Mengguna apabila dibenarkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu diguna

Gunakan kepada luka secara bersambungan sehingga satu minggu selepas luka bersembuh.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan krim kerap mungkin mengakibatkan kerengsaan kulit dan kulit kemerahan (erythema).

Semasa menggunakan YUCOMY CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Menggunakan krim dengan berpandukan kepada label atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Berhenti penggunaan krim ini sekiranya sensitiviti atau kerengsaan selepas menggunakannya.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Menyentuhkannya dengan mata anda atau simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika anda hamil atau menyusu.

-Kesan-kesan sampingan

Kes kerengsaan, gatal yang teruk dan rasa pedih telah dilaporkan sebagai kesan tindakbalas pada pesakit yang dirawat dengan menggunakan krim topikal ketoconazole.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan YUCOMY CREAM

-Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Cara pelupusan

YUCOMY CREAM perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih atau putih jernih.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Ketoconazole

-Bahan tidak aktif
Isopropyl Myristate
Methyl Paraben
Propylene Glycol

-Nombor MAL

MAL 19989040AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

12/09/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)201119/00315